

09/09/2003

Rakyat tentukan: PM (HL)

Lichong Angkui; Azrone Sarabatin

PENAMPANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyerahkan kepada rakyat Sabah bagi menentukan sama ada mahu meneruskan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri, yang diperkenalkannya sejak hampir sepuluh tahun lalu, atau sebaliknya.

Perdana Menteri berkata, terpulang kepada rakyat Sabah sendiri menentukan apa yang mereka mahu dan kerajaan sedia mendengar pandangan mereka.

"Kita kena dengar pandangan mereka. Jika mereka senang dengan sistem (penggiliran jawatan Ketua Menteri) ini, teruskan. Jika mereka tidak senang hati, sudah tentu kita kena ubah pendirian.

"Kita kena mengambil kira pandangan orang ramai kerana semua ini adalah berkaitan soal demokrasi," katanya selepas merasmikan perhimpunan agung tahunan ke-18 Parti Bersatu Sabah (PBS) di Dewan Hongkod Koisaan, di sini, petang semalam.

PBS yang dipimpin Datuk Joseph Pairin Kitingan diterima menyertai semula BN pada 23 Januari tahun lalu.

Sistem unik penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah itu diumumkan Dr Mahathir pada majlis pemimpin bersama rakyat di Beaufort ketika kempen pilihan raya negeri 1994, sekali gus dilaksanakan selepas BN mengambil alih kepemimpinan kerajaan negeri.

Ia bertujuan memberi peluang kepada pemimpin tiga kelompok utama - Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina - bergilir menerajui kerajaan negeri setiap dua tahun.

Sistem itu bagaimana diubah suai dua tahun lalu dengan pemimpin Umno diberikan tempoh dua penggal bagi setiap penggiliran berbanding hanya satu penggal bagi pemimpin Cina dan Bumiputera bukan Islam. Sehingga kini, sudah tujuh Ketua Menteri dilantik menerusi sistem itu.

Pelbagai pihak termasuk parti politik sebelum ini pernah meminta supaya sistem itu dikaji semula kerana berpendapat tempoh dua tahun bagi seseorang mentadbir negeri tidak praktikal.

Dr Mahathir yang tiba pada sebelah pagi untuk lawatan kerja sehari ke Sabah berkata soal penggiliran itu membabitkan rakyat Sabah.

"Ia bukan soal sama ada saya suka, ia adalah soal sama ada orang Sabah menyukainya atau sebaliknya," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengenai peraturan antilompat di kalangan parti komponen BN, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata beliau tidak pasti sama ada kerajaan boleh menggubal undang-undang membendungnya.

"Tetapi kita berharap parti-parti dalam BN tidak berlaku amalan lompat parti ini," katanya sambil menjelaskan memang sukar untuk menguatkuasakan peraturan mengenainya.

Kepada soalan lain, beliau berkata kemenangan dengan majoriti lebih dua pertiga diperlukan oleh BN dalam pilihan raya akan datang bagi membolehkannya mentadbir negara tanpa gangguan.

Katanya, kerajaan sememangnya yakin mencapai kemenangan 100 peratus, tetapi dalam pilihan raya pelbagai perkara boleh berlaku.

"Maka yang penting bagi kita ialah mendapat majoriti besar supaya kita dapat memerintah negara tanpa gangguan," katanya.

Beliau berharap semua parti komponen jangan bersikap selesa dengan kekuatan BN sekarang, sebaliknya mereka perlu menyumbang kepada kekuatan BN keseluruhannya.